



**ANALISA MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

26 JANUARI 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: TPPA

BIL.	TARIKH	AKHBAR &TAJUK BERITA	TONE	PIHAK TERLIBAT
1.	26.1.2017 (KHAMIS)	FREE MALAYSIA TODAY Pekilang harap Malaysia jalin dagangan bebas dengan peserta TPP FREE MALAYSIA TODAY TPPA: Rakyat Malaysia jangan risau- PM NEW STRAITS TIMES US bails from TPPA, upsets M'sian manufacturers	NEUTRAL	MITI KSM

AKHBAR: FREE MALAYSIA TODAY

Pekilang harap Malaysia jalin dagangan bebas dengan peserta TPP

Ia bagi mengukuhkan hubungan perdagangan dengan semua negara peserta TPP apabila perjanjian gagal dilaksanakan.



KUALA LUMPUR: Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) berharap kerajaan akan terus melibatkan negara peserta Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) kerana Malaysia sepatutnya mempunyai perjanjian perdagangan bebas (FTA) di bawah perjanjian itu. FMM dalam satu kenyataan berkata, langkah itu bagi mengukuhkan hubungan perdagangan dengan semua negara peserta TPP melalui perjanjian perdagangan 2 hala apabila TPP gagal dilaksanakan.

Katanya, TPP dijangka membuka sehingga 10% daripada perdagangan bebas cukai Malaysia dengan pasaran bukan FTA yang baharu seperti Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru. "Kami juga berharap dapat menyaksikan pemuktamadan yang berjaya ke atas FTA penting yang lain, terutamanya Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang sedang dirundingkan. "Kita tahu bahawa rundingan RCEP telah mencapai kemajuan yang ketara dan kami berharap RCEP ini akan dijayakan dengan pantas dan lancar menjelang hujung tahun ini," katanya. Sekarang ini, FMM berkata Malaysia sudah menyimpulkan 7 FTA 2 hala iaitu dengan Jepun, Pakistan, New Zealand, India, Brazil, Australia dan Turki serta 5 FTA serantau melalui Asean (Asean dengan China, Korea, Jepun, India dan Australia-New Zealand).

TPPA: Rakyat Malaysia jangan risau- PM



Najib Razak

KUALA LUMPUR – Ekonomi Malaysia akan kekal kukuh meskipun tanpa Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Justeru, beliau meminta rakyat Malaysia tidak risau mengenai keadaan ekonomi negara apabila TPPA tidak dapat direalisasikan. “Meskipun tanpa TPPA, ekonomi kita akan kekal kukuh, dinamik dan dipenuhi dengan peluang-peluang daripada rakan-rakan perdagangan sedia ada. “Tidak kiralah apa jua hasil mesyuarat tersebut, kita tidak perlu risau.

“Sehingga sekarang, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang kukuh dengan negara-negara seperti China dan Jepun. “Malah, dianggarkan perdagangan di antara Malaysia dan China akan melebihi AS\$100 bilion (RM443.5 bilion) tahun ini,” katanya di dalam laman blog Najibrazak.com malam tadi.

Tambah Najib, Malaysia juga sedang bekerjasama dengan beberapa negara bagi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara-negara yang turut terlibat dalam TPPA “Kita juga telah mempunyai FTA dua hala dengan negara-negara seperti India, New Zealand dan Australia. “Sebagai tambahan, kita akan meneruskan usaha untuk memuktamadkan hubungan ekonomi komprehensif serantau termasuk China dan India dengan pasaran yang jauh lebih besar daripada TPPA,” katanya. – MalaysiaGazette

US bails from TPPA, upsets M'sian manufacturers

KUALA LUMPUR: The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) has expressed its disappointment over the United States' withdrawal from the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA). FMM president Tan Sri Dr Lim Wee Chai said TPPA will contribute significantly to improving market access, expanding exports, increasing economic activities and enhancing employment. "We are therefore disappointed with the withdrawal of the United States from the TPPA on Monday after five long years of hard work to make the TPPA a reality," he said in a statement today.

Currently, Malaysia has concluded seven bilateral free trade agreements (FTAs) with Australia, Chile, India, Japan, New Zealand, Pakistan and Turkey as well as five regional FTAs through ASEAN, which includes ASEAN with China, Korea, Japan, India and Australia-New Zealand. Lim said the TPPA became one of the more important new FTAs being negotiated as it was expected to provide a competitive edge over Malaysia's regional competitors and build investor confidence in Malaysia. He said the agreement promised Malaysian companies and TPPA countries a degree of transparency and predictability in investment rules, tariff concessions and avenue to address non-tariff barriers.

"We are therefore heartened to note that there is still communication among the 11 remaining countries to consider all available options to keep the TPPA alive including reformulating the agreement without the US," Lim added. TPPA was an FTA among 12 countries – Australia, Brunei, Canada, Chile, Japan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapore, Vietnam and US. The agreement was expected to open up another 10 per cent of Malaysia's duty free trade with new non-FTA markets namely US, Canada, Mexico and Peru. Lim said the government must continue to engage with these countries to strengthen Malaysia's trade ties through bilateral trade agreements if the TPPA fails to materialise.

"FMM is therefore hopeful of the possibility of salvaging an APEC-wide agreement among the remaining members of the TPPA. As such, FMM will remain an active partner to the government and will continue to support with views and business inputs on the way forward in the crucial months to come," he added. FMM is also looking forward to the successful conclusion of the Regional Comprehensive Partnership Agreement (RCEP) that is currently being negotiated. Lim noted that the RCEP has made significant progress and FMM is very hopeful for a swift and successful conclusion of the agreement by year-end. He also hoped that the government would remain committed to the Malaysia-European Union (EU) FTA and resume negotiations at the earliest opportunity. Malaysia had started negotiations on the trade deal in 2010 but the deal was subsequently put on hold. Lim said the EU is Malaysia's largest trading partner and second largest source of foreign direct investment. "As an open economy dependent on trade and investment to sustain and grow the economy, increased market access for our products at preferential rates is always welcome," he said.



The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) has expressed its disappointment over the nited States' withdrawal from the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA). (File pix)

ISU: PELUANG PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR &TAJUK BERITA	TONE	PIHAK TERLIBAT
1.	26.1.2017 (KHAMIS)	UTUSAN MALAYSIA NCIA wujud 12,376 pekerjaan BERITA HARIAN PM NCIA raih pelaburan RM79.92 bilion	POSITIF	NCIA JTK

AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

NCIA wujud 12,376 pekerjaan



REDZA RAFIQ ABDUL RAZAK bergambar bersama warga Koridor Utara dalam program-program berpaksikan rakyat oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di sini, semalam.

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berjaya menarik pelaburan swasta sebanyak RM8.3 bilion dan mewujudkan 12,376 peluang pekerjaan pada 2016 melalui pelan perkembangan Fasa 2 yang terdiri daripada pelbagai projek berimpak tinggi serta inisiatif-inisiatif yang berorientasikan rakyat. Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak berkata, sejak penubuhan NCIA pada 2008 sehingga akhir 2016, NCIA berjaya meraih pelaburan terkumpul berjumlah RM79.92 bilion serta mewujudkan 103,600 peluang pekerjaan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Katanya, di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar pada 2016, NCIA terus menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan terdiri daripada keempat-empat kerajaan negeri di negeri-negeri di utara dan sektor swasta yang memberi tumpuan kepada warga Koridor Utara. "Ini adalah selaras dengan objektif utama NCIA iaitu Pembangunan Berteraskan Kesaksamaan Sosial," katanya dalam sidang akhbar selepas berucap pada Mesyuarat NCIA Ke-17 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini, hari ini. Tambah Redza, menyedari lanskap ekonomi global dan negara yang sentiasa berubah dan dinamik, NCIA memulakan proses semakan ke atas pelan tindakannya pada Jun 2016.

Jelasnya, Pelan Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2016-2025 tersebut telah mengambil kira cadangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan di peringkat

setempat dan persekutuan. “Dengan pelaksanaan Pelan Tindakan disasarkan pada 2017, NCIA menjangkakan pelaburan akan dapat dijana daripada Nod Pertumbuhan Baharu seperti Lembah Chuping, Kedah Rubber City, Taman Sains Dan Teknologi Kedah dan Greater Kamunting,” ujarnya.

Katanya, nod-nod pertumbuhan baharu itu menunjukkan sifat saling bergantung antara kerajaan, pihak swasta dan komuniti yang akan terus menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi setempat dalam wilayah ekonomi Koridor Utara untuk tempoh 15 tahun akan datang. “NCIA percaya projek-projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) ini boleh membantu negara dalam agendanya untuk mencapai ekonomi RM2 trilion menjelang 2023,” jelasnya.

Pada akhir Mesyuarat NCIA Ke-17 tersebut, seramai lima daripada 21 warga Koridor Utara yang menerima manfaat inisiatif-inisiatif NCIA berkongsi cerita, pengalaman dan kejayaan mereka di dalam sesi Program NCIA Bersama Komuniti Koridor Utara. Kesemua 21 benefisiari tersebut adalah antara warga Koridor Utara yang telah menerima manfaat daripada program-program NCIA seperti inisiatif SuriaKU – suatu program yang bakal diperluaskan di seluruh negara sebagai program MySuria; Model Pengurusan Estet (EMM) dalam penanaman padi, Pusat Inovasi Komuniti (CIC), Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera (MCash), Program Latihan Pertanian Moden dengan menggunakan Fertigasi, Program NCIA-Nestle PPK Kerpan, Teraju dan sistem pengangkutan awam bersepadu, iaitu Rapid Kamunting.

“Untuk tahun ini, pihak NCIA akan meneruskan usaha untuk melaksana serta meneruskan inisiatif-inisiatif yang dirancang secara bersama dengan pihak-pihak berkepentingan. “NCIA akan terus berusaha untuk mewujudkan sistem sokongan yang lebih inovatif dan kondusif bagi memastikan kejayaan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan,” katanya.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan

AKHBAR : BERITA HARIAN

PM NCIA raih pelaburan RM79.92 bilion



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak mendengar penerangan daripada Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq (kiri) selepas mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) dan Program NCIA bersama Komuniti Koridor Utara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

PUTRAJAYA: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berjaya menarik pembabitan swasta sebanyak RM3.8 bilion dan mewujudkan 12,376 peluang kerja pada 2016. Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq, berkata sejak penubuhan NCIA pada 2008 hingga 2016, ia berjaya meraih pelaburan terkumpul RM79.92 bilion dan mewujudkan 103,600 peluang kerja. "Ini selaras dengan objektif utama NCIA iaitu 'Pembangunan Berteraskan Kesaksamaan Sosial'. "Melalui Pelan Tindakan 2017 pula, NCIA menjangkakan pelaburan akan dijana pertumbuhan baharu seperti Lembah Chuping, Kedah Rubber City, Taman Sains dan Teknologi Kedah serta Greater Kamunting.

"NCIA percaya projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) boleh bantu negara mencapai ekonomi RM2 trilion menjelang 2023," katanya pada sidang media selepas mesyuarat NCIA ke-17 yang dipengerusikan Datuk Seri Najib Razak di sini, petang tadi. Perdana Menteri juga meluangkan masa beramah mesra dengan 21 penduduk setempat yang menerima manfaat pembangunan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Beliau turut mendengar pengalaman lima penerima manfaat 'Program NCIA Bersama Komuniti Koridor Utara'. Redza menjelaskan, pertumbuhan baharu dalam perancangan NCIA menunjukkan sifat saling bergantung antara kerajaan, swasta dan masyarakat setempat. Katanya, ia akan menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi wilayah NCIA untuk tempoh 15 tahun akan datang.